

12 JUL 2001

Jamuan

25,000 ORANG DIJANGKA HADIR JAMUAN MALAM BERSAMA PM

MELAKA, 12 Julai (Bernama) -- Kira-kira 25,000 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat di negeri ini dijangka menghadiri jamuan malam rakyat bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Sejarah Ayer Keroh Isnin ini.

Speaker Dewan Undangan Negeri merangkap Pengerusi majlis makan malam itu, Datuk Amid Nordin berkata jamuan anjuran Barisan Nasional (BN) Melaka itu akan bermula pada pukul 8 malam.

Majlis makan malam itu ialah aturcara pertama lawatan Dr Mahathir ke Melaka selama dua hari.

Dr Mahathir dijadual mengadakan pertemuan dengan anggota Badan Perhubungan Umno Melaka pada hari Selasa di kediaman Ketua Menteri "Seri Bendahara", Bukit Peringgit.

Beliau kemudian dijadual merasmikan pembukaan Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMC) di Bukit Baru sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Amid berkata sempena majlis makan malam itu, Jalan Ayer Keroh hingga ke Jalan Tasik Utama akan ditutup kepada lalulintas bermula pukul 6 petang hingga 11.30 malam pada hari berkenaan.

Beliau berkata pengguna lebuhraya Utara-Selatan yang memasuki Melaka dari Plaza Ayer Keroh untuk menuju ke bandar Melaka diminta menggunakan Jalan Padang Keladi dan kenderaan lain menghala Alor Gajah dan Jasin menggunakan jalan susur keluar di Simpang Ampat dan Lipat Kajang.

-- BERNAMA

NO AKD